## Pesta buku IPTA pada 5-9 April di UMS

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan mengadakan Pesta Buku Institut Pengajian Tinggi Awam (IP-TA) 2010 pada 5-9 April ini.

Pesta buku itu yang dikelolakan oleh Unit Penerbitan dan Perpustakaan UMS akan bermula pada pukul 9 pagi hingga 5 petang di perkarang- an perpustakaan UMS.

Pesta buku ini akan melibatkan pameran dan jualan pelbagai jenis buku terbitan UMS serta penerbit daripada seluruh

IPTA di Malaysia.

Ia antara lain bertujuan untuk memberikan lebih ban-yak pendedahan kepada para pengunjung terhadap penerbitan ilmiah di Malaysia di samping memupuk budaya membaca di kalangan orang ramai khasnya kepada para pelajar.

Sehubungan itu orang ramai khususnya para pelajar dijemput hadir bagi menjaya- kan lagi

program ini.